

Himpunan bantah hina nabi di UTHM

BATU PAHAT 30 Sept. - Warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berhimpun membantah penerbitan filem *Innocent of Muslims* yang menghina Nabi Muhammad SAW di padang kawad universiti itu, di sini semalam.

Perhimpunan secara aman itu di-sertai 3,000 pelajar, Persatuan Pen-syarah dan Pengajar UTHM (Perka-sa), Persatuan Pentadbir dan Iktisas UTHM (Pentas) serta Kesatuan Ka-kitangan Sokongan UTHM (Kekas).

Dalam perhimpunan itu, memo-randum bantahan berhubung pener-bitan filem tersebut diserahkan ke-pada Pendaftar UTHM, Sulam Hamid yang mewakil Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UTHM), Hafiz Ariffin berkata, memorandum tersebut me-minta pihak universiti menyatakan pendirian secara tegas dan ilmiah dalam membantah penerbitan filem yang menghina umat Islam itu.

"Seperti yang dilihat hari ini, warga UTHM daripada pelbagai kaum dan agama turut sama dalam perhimpunan ini. Dalam masa sa-ma, kita tidak mahu umat Islam



SEBAHAGIAN daripada warga UTHM mengadakan perhimpunan aman membantah penerbitan filem *Innocent of Muslims* di Batu Pahat, Johor, semalam.

membuat serangan balas dengan tindakan melampau kerana ini ha-nya akan memburukkan lagi pan-dangan terhadap Islam.

"Warga universiti juga bertang-

gungjawab mempertahankan kesu-cian agama Islam yang cuba diper-sendakan. Perbuatan menghina ma-na-mana agama juga tidak boleh diterima sebaliknya kita mesti

menghormati antara satu sama lain," katanya ketika ditemui se-masa perhimpunan aman itu.

Beliau berkata, kerajaan Amerika Syarikat perlu tegas dalam mengam-

bil tindakan berhubung penyiaran filem itu dan bertanggungjawab ke atas isu yang menimbulkan kemarahan umat Islam di seluruh dunia tersebut.